



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JABATAN KESIHATAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN**

**WABAK DISYAKI LEPTOSPIROSIS (KENCING TIKUS) DI KUALA
PILAH, NEGERI SEMBILAN**

Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) mengambil maklum berhubung mesej tular di media sosial berkaitan kejadian wabak disyaki leptospirosis di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Pilah telah melaporkan satu wabak disyaki leptospirosis di sebuah taman rekreasi di Kuala Pilah yang melibatkan empat (4) kes. Kesemua kes mempunyai gejala yang demam, sakit kepala, dan sakit otot serta mempunyai sejarah mengunjungi dan menjalankan aktiviti air di kawasan rekreasi tersebut. Daripada jumlah tersebut, satu (1) kes telah dimasukkan ke hospital bagi rawatan lanjut, manakala tiga (3) kes lain menerima rawatan sebagai pesakit luar. Sampel klinikal daripada kes-kes tersebut telah diambil untuk tujuan ujian pengesahan leptospirosis.

Penilaian risiko yang dijalankan di kawasan taman rekreasi berkenaan mendapati terdapat persekitaran yang kondusif bagi penularan penyakit leptospirosis. Sebagai langkah kawalan dan pencegahan, kawasan rekreasi tersebut telah ditutup oleh agensi berkaitan bermula 10 Mei 2026 hingga 17 Mei 2026 bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dan penyenggaraan dijalankan.

Leptospirosis merupakan sejenis penyakit zoonosis, iaitu penyakit yang boleh berjangkit daripada haiwan kepada manusia, disebabkan oleh bakteria *Leptospira*. Manusia boleh dijangkiti melalui luka pada kulit atau membran mukus yang terdedah kepada bahan tercemar seperti air, tanah, atau makanan, termasuk melalui pengambilan bahan tercemar tersebut.

Pelbagai haiwan liar dan domestik boleh menjadi perumah kepada bakteria *Leptospira*, antaranya tikus, kucing, anjing, lembu, babi, arnab, dan kuda. Leptospirosis adalah penyakit endemik di negara beriklim tropika termasuk Malaysia. Tempoh penerapan penyakit ini adalah antara dua (2) hingga 30 hari. Gejala jangkitan termasuk demam, menggigil, sakit badan atau otot, sakit kepala, batuk tanpa kahak, loya, muntah, dan cirit-birit.

Sehubungan itu, JKNNS ingin menasihatkan orang ramai agar:

- Mengelakkan mengunjungi kawasan rekreasi air terutama ketika musim hujan berikutan risiko jangkitan leptospirosis;
- Sentiasa menjaga kebersihan persekitaran dan tidak membuang sampah merata-rata;
- Mengamalkan kebersihan diri termasuk mencuci tangan menggunakan air bersih dan sabun;
- Mengelakkan minum atau menggunakan air sungai serta air yang tidak dimasak;
- Mengelakkan berenang atau bermain air sekiranya mempunyai luka, serta memastikan luka ditutup dengan pembalut kalis air; dan
- Mengelakkan bermain air atau melalui kawasan lopak dan air bertakung terutama selepas banjir.

Jabatan ini akan terus memantau perkembangan semasa kejadian leptospirosis ini serta meningkatkan kesiapsiagaan dalam melaksanakan langkah pencegahan dan kawalan dengan kerjasama semua agensi berkaitan. Orang ramai juga dinasihatkan supaya sentiasa menjaga kebersihan ketika mengunjungi pusat rekreasi dan segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran sekiranya mengalami gejala selepas mengunjungi kawasan rekreasi.

**JABATAN KESIHATAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN
13 MEI 2026**

